

Edisi

Inspirasi Pandemi Covid-19

GSMf&sr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

 UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
Fakulti
Seni Lukis
dan Seni Reka
UITM Cawangan Kedah



- **BMxHM :**
Using algorithm as a tool to generate Batik Merbok via HINGARMERA
- **Deko**
Perintah Kawalan Pergerakan 2020
- **EVOLUSI**
FESYEN MODEST (MUSLIMAH)
- **Panduan Penggunaan StreamYard**
sebagai medium pengajaran
- **Bengkel Strategik
Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka**
UITM KEDAH 2020-2025

ISSN 2637-028X

KANDUNGAN

GALERI

• **BMxHM :**

Using Algorithm as a Tool to Generate Batik Merbok via HINGARMERA
By Syafiq Abdul Samat

FAKULTI

• **Kursus dan warga FSSR di**

Musim Pandemik Covid-19
Oleh : Dr Faryna Mohd Khalis

• **BENKEL STRATEGIK FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA**

UiTM KEDAH 2020-2025
Oleh : Dr. Neesa Ameerah Mohamed Salim

Inspirasi Pandemik Covid-19

• **Deko**

Perintah Kawalan Pergerakan 2020
Oleh: Zaidi Yusoff

• **Panduan Penggunaan StreamYard sebagai**

Medium Pengajaran
Oleh: Juaini Jamaludin

• **"Inspirasi Pandemik Covid-19" –**

Atasi Tekanan Dengan Berkarya
Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

• **"Inspirasi Pandemik Covid-19" –**

Tips Berjimat ; Semai, Tanam Dan Tuai Sendiri
Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

• **Google Classroom sebagai Medium Pengajaran :**

Inspirasi Pandemik Covid 19 di Institusi Pengajian Tinggi Awam
Oleh : Siti Fairuz Binti Ibrahim | Juaini Binti Jamaludin

• **PELITUP MUKA :**

BERGAYA DALAM MENCEGAH
Oleh : Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

• **Design in Air:**

The Expedite of Augmented Tech in Design Education
By: Dr Hasnul Azwan Azizan

• **EVOLUSI**

FESYEN MODEST (MUSLIMAH)
Oleh : Normaziana binti Hassan

• **"Inspirasi Pandemik Covid-19" –**

Syukur
Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

• **Fiv5 Str5ke**

(Five Strike/Five Stroke)
By : Suzani Azmin

• **FENOMENA COVID-19:**

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DARI RUMAH
Oleh : Mas Ayu Zainal @ Ismail

• **PIXEL ART CRAFT BEADS -**

IMAGINATIONS
By : Izza Syahida Binti Abdul Karim

• **"JOM CEGAH COVID 19"**

Sekolah Kebangsaan Batu Hampar
Oleh Nurul Atikah Adnan

Galeri Seni Merbok

Inspirasi Pandemik Covid-19

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi "Inspirasi Pandemik Covid-19" bagi bulan Julai hingga Disember 2020. Pembelajaran secara dalam talian diteruskan lagi bagi semester Oktober 2020 hingga Februari 2021 kerana pertambahan kes Covid 19 yang telah mencecah ke ribuan kes dalam sehari menurut laporan sumber oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Walaupun bagaimanapun, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Kedah masih juga rancak dalam turut serta dengan program-program terutama berbentuk ilmiah, penglibatan akademik yang mendapat anugerah di dalam pertandingan bertaraf antarabangsa dan terus maju dalam mencari kaedah bagi memberi inspirasi di sebalik pandemic Covid-19 agar dapat menaikkan nama fakulti.

Diharap agar beroleh kejayaan yang berterusan di masa akan datang dan semoga bahan penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus UiTM Cawangan Kedah.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Dr. Mohammad Abdullah Hemdi

Ketua Editor
Izza Syahida Abdul Karim

Editor
Juaini Jamaludin

Reka Letak Grafik
Syahrini Shawalludin

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

Penulis

Syafiq Abdul Samat
Dr. Faryna Mohd Khalis
Dr. Neesa Ameera Mohamed Salim
Zaidi Yusoff
Normaziana binti Hassan
Juaini Jamaludin
Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin
Siti Fairuz Binti Ibrahim
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin
Mas Ayu Zainal @ Ismail
Suzani Azmin
Dr. Hasnul Azwan Azizan
Izza Syahida Binti Abdul Karim
Nurul Atikah Adnan

BMxHM :

Using Algorithm as a Tool to Generate Batik Merbok via HINGARMERA

By Syafiq Abdul Samat

HINGARMERA is a generative art application that uses available lights and sounds as input to affect its algorithm for creating unique abstract visuals. Rather than relying on coded random functions to generate variables, HINGARMERA uses "localised" variables depending on where the light and sound data was taken using camera and microphone. This allows the application to generate thematic visuals that relates with the subject or place the data was taken.

Taking this notion, BATIK MERBOK has initiated a project to use a customized HINGARMERA to create generative patterns for a new design concept. For a start, a customized code that draws algorithmic pattern relatable with paddy; an element that is well known for the designs by BATIK MERBOK, is applied into HINGARMERA. Colours sampled via webcam are applied into the pattern's line and shapes, and dependent on the season. Since the paddy itself does not produce audible sound, the microphone is placed at paddy field, capturing the sound produced as each of the paddy strands sway and rub against each other as the wind blows across the field. This sound data affects the placement of the lines vector point as the drawing process begins.

The patterns generated through this method are abstract, non-uniform arrangement, and unique for each piece as sound and light data varies over time, for example a sudden gush of wind or the increase of brightness as the sun shines after a cloudy period will affect the generated visuals.



Figure 1: Sample of a generated image, using paddy field as sample data



Figure 2: The sampling process
(LEFT: Zaidi Yusoff, RIGHT: Syafiq Abdul Samat)

Kursus dan warga FSSR di Musim Pandemi Covid-19

Oleh : Dr Faryna Mohd Khalis

Setelah beberapa bulan Malaysia berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, hampir semua pergerakan dibataskan sehingga segala urusan terpaksa dijalankan secara atas talian. Kesan turut dirasai oleh Universiti Teknologi MARA UiTM Kedah apabila segala urusan pembelajaran, kursus, aktiviti dan lain-lain lagi yang selama ini dilakukan secara bersemuka, terpaksa ditukar secara atas talian. Walaubagaimana pun, setelah Malaysia bertukar kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), beberapa urusan telah dapat dijalankan secara bersemuka kembali.

Seramai 30 orang staf Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) dengan bantuan Institut Latihan dan Pembangunan (iLD) UiTM Kedah telah menyertai dua kursus secara bersemuka semula pada tarikh yang berbeza. Kursus pertama iaitu Pemerksaan Penasihat Akademik (PA) oleh Cik Syahrini Shawaluddin telah dijalankan pada 4 Oktober 2020. Manakala kursus Pelan Strategik Fakulti yang diketuai oleh Dr. Neesa Ameera bersama Encik Asrol Hasan serta Encik Abdullah Kula telah diadakan pada 7 Oktober 2020.

Walaubagaimana pun, kursus-kursus yang dijalankan ini juga perlu mematuhi SOP dari segi penjarakan sosial, pemakaian topeng muka oleh staf-staf dan menyemak suhu sebelum masuk ke dalam bilik kursus. Turut serta dalam kursus ini adalah Dr Wan Noor Faaizah Wan Omar selaku Ketua Fakulti FSSR. Kesemua staf FSSR juga telah memberi komitmen yang baik dan berjaya menyiapkan tugas masing-masing untuk menyumbang kepada kejayaan yang berterusan buat fakulti dan UiTM secara keseluruhannya



BENGGEL STRATEGIK FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA UiTM KEDAH 2020-2025

Oleh : Dr. Neesa Ameera Mohamed Salim

Selari dengan wawasan UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang bereputasi antarabangsa "Globally Renowned University", satu bengkel pelan strategik Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) telah diadakan pada 7 Oktober 2020. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua (32) pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka yang terdiri dari dua jabatan ; Jabatan Senireka Grafik dan Media Digital dan Jabatan Senireka Perindustrian. Bengkel ini diadakan untuk memastikan hala tuju FSSR selari dengan visi dan misi UiTM 2020 hingga 2025. Untuk mencapai aspirasi tersebut, bengkel ini memerlukan semua pensyarah FSSR untuk memberikan cadangan yang strategik dan komprehensif dengan memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan fakulti dan universiti serta kemajuan sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

Walaupun pandemik Covid-19 masih agak membimbangkan, namun, bengkel ini telah berjaya dikendalikan dengan memastikan semua pensyarah mematuhi SOP yang ditetapkan. Bengkel ini diketuai oleh Dr. Neesa Ameera selaku Ketua Pengurusan Strategik FSSR dan dibantu oleh Encik Asrol dan En Abdullah Kula. Bengkel ini juga mendapat sokongan dari Ketua Fakulti, Dr. Wan Noor Faaizah dan Koordinator Program, Puan Nurul Atikah Adnan. Bengkel strategik ini diharap dapat menghuraikan cabaran, nilai-nilai bersama, matlamat, objektif strategik, pelan tindakan dan sasaran fakulti (FSSR) dan UiTM untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, penyelidikan, pembangunan pelajar, perkhidmatan masyarakat yang akan dilaksanakan untuk tempoh 2020 hingga 2025. Oleh yang demikian, FSSR akan memberikan penumpuan kepada tiga teras strategik utama UiTM 2025 iaitu : -

1. Quality Education
2. Global Excellence
3. Value-Driven Performance

Bagi mencapai kejayaan tiga teras strategik utama ini dan memenuhi Key Performance Indicators (KPI) UiTM 2020-2025, bengkel ini menggariskan pelan tindakan dan perancangan fakulti dan mengusulkan pelbagai inisiatif dan projek berimpak tinggi, sasaran dan petunjuk prestasi yang selari dengan kriteria penilaian penarafan UiTM. Perancangan yang akan diadakan diharap dapat membangunkan FSSR UiTM Kedah ke peringkat yang lebih maju seterusnya mencapai misi dan visi UiTM. Oleh itu, FSSR akan memastikan nilai-nilai bersama iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti dapat dipupuk, dibudayakan dan diperkukuhkan dalam kalangan warga FSSR dan UiTM Kedah.



Deko

Perintah Kawalan Pergerakan 2020


Oleh: Zaidi Yusoff

Mac 2020, negara telah digemparkan dengan serangan virus yang boleh mengancam nyawa manusia bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia. Akibat daripada pandemik itu, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak tersebut dengan lebih teruk. Rakyat diperintahkan untuk kekal berada di rumah dalam usaha menjaga keselamatan serta nyawa semua golongan dan peringkat umur.

Di atas arahan PKP itu, masing-masing mula mencari aktiviti untuk memenuhi ruang masa yang terluang daripada berlalu begitu sahaja. Mengambil kira beberapa projek dan aktiviti yang tidak dapat dilakukan sebelum ini, maka saya telah mengambil peluang untuk deko raya dalam tempoh PKP. Berbekalkan bahan-bahan yang sedia ada di rumah serta atas bantuan bekas pelajar, maka projek dekorasi bermula dengan menetapkan tema yang bakal direalisasikan sebagai deko raya PKP.

Cubaan mengetengahkan konsep Modern Industrial melalui pemilihan warna yang dirasakan perkara asas dan utama dalam menghasilkan 'mood' serta suasana yang bersesuaian dengan tema yang telah dipilih. Menggunakan cat berjenama JOTUN Industrial Blue ini ianya merupakan pilihan tepat bagi disesuaikan dengan aksesori dan perabut sedia ada yang telah tersedia. Setelah siap mengecat, maka susunan kelengkapan perlu difikirkan agar bersesuaian dan tidak menampakkan ruang yang terlalu padat dan sesak.

Ruang menonton televisyen dipisahkan dengan rak peragaan dari Ikea serta kotak kayu hasil dari kayu-kayu pallet. Begitu juga rak peragaan model-model kereta diletakkan di dinding agar dengan jumlah yang minima agar tidak kelihatan penuh dan padat di ruang tersebut. Dekorasi bagi ruang tetamu dan menonton dihasilkan berlainan dengan menerapkan elemen semulajadi iaitu dengan meletakkan pokok-pokok hidup agar menampak keaslian serta segar. Satu ruang diwujudkan berdekatan dengan kolam buatan sendiri dengan tujuan untuk merehatkan diri sambil mendengar alunan air yang dialirkan turun dari kotak kaca ke dalam kolam dan menikmati pemandangan hijau di tepi dinding berkaca penuh. Dekorasi yang minima ini adalah sekadar memenuhi citarasa dan menggunakan kelengkapan perabut sedia ada tanpa perlu mengeluarkan belanja yang besar dan sesuai dengan kehidupan orang bujang.



EVOLUSI

FESYEN MODEST (MUSLIMAH)

Oleh : Normaziana binti Hassan

Pereka fesyen global kini telah mengorak langkah dengan melebarkan fokus penghasilan koleksi pakaian modest (muslimah) di peringkat global. Trend ini bermula pada tahun 2015 selepas Thomson Reuters mengeluarkan analisis tentang perbelanjaan wanita Muslim pada tahun 2013 yang mencecah angka \$266 bilion USD (RM1.1 trilion) setahun. Laporan ini turut menyatakan bahawa angka itu akan meningkat pada tahun 2019 terutama bagi pasaran negara Asia dan Rusia.

Dikhabarkan bahawa pasaran fesyen modest dunia kini mencecah ratusan billion dollar dan ia dijangka akan terus meningkat dengan pesat untuk lima tahun akan datang. Carian gambar popular Pinterest UK juga melaporkan bahawa carian untuk gambar fesyen modest meningkat sehingga 500% pada tahun lalu. Seiring dengan peredaran zaman, dunia fesyen Modest (Muslimah) juga turut berkembang.

Kebelakangan ini, fesyen muslimah atau fesyen modest yang membawa maksud sopan atau sederhana semakin mendapat perhatian rumah fesyen antarabangsa. Jika dilihat, busana labuh seperti jubah sering kali dianggap fesyen paling selamat untuk digayakan kerana ia dapat menutup keseluruhan aurat.

Sebahagian besar pemain industri fesyen telah menyifatkan kemunculan Halima Aden telah membuka pintu untuk model Muslimah lain seperti Amina Adan, Ugbad Abdi, Ikram Abdi Omar dan lain-lain melebarkan sayap dalam industri fesyen antarabangsa. Bagaimanapun, baik Halima mahupun Amina masing-masing memiliki tarikan tersendiri. Biarpun majoriti merupakan individu dalam keturunan kulit gelap dan beragama Islam, tetapi faktor tersebut bukan menghalang untuk mereka terus menerokai bidang itu. Malah kini lebih ramai model berhijab digunakan untuk berjalan di pentas petunjukan fesyen mahupun menghiasi kempen jenama-jenama terkenal dunia.

Generasi muda kini, mempunyai kebebasan di dalam mengekspresikan gaya fesyen agar tampak bersesuaian dengan keperibadian dan 'lifestyle' mereka. Bukan hanya untuk berketrampilan trendy dan chic, namun masih mengekalkan kesopanan dalam berfesyen. Kemunculan pelbagai jenis jenama tempatan mahupun antarabangsa telah memberi banyak pilihan kepada wanita dalam perbelanjaan mereka untuk berpakaian.

Siapa kata gadis Muslimah tidak tahu tentang fesyen? Jika diperhatikan, mereka amat gemar mengikuti trend fesyen terkini malah fesyen jalanan atau hipster turut menjadi ikutan gadis-gadis ini. Trend semasa ini telah menjadi alternatif bagi mereka yang ingin menutup aurat mereka dengan gaya penuh berketerampilan untuk apa sahaja tujuan, masa dan tempat.



Pereka fesyen tempatan mahupun global telah berusaha untuk memperluaskan rekaan mereka kepada golongan gadis Muslimah mengikut citarasa yang lebih sopan. Usaha mereka haruslah dipuji kerana telah memberi kepelbagaian bentuk rekaan yang lebih kontemporari tetapi labuh, longgar dan tidak jarang. Ini telah membuka lembaran baharu dalam mekanisme fesyen gadis Muslimah di Malaysia mahupun di peringkat global.

Gambar Hiasan -Fesyen Hijab Moden (Hipster)
oleh Aab, London

Hana Tajima, antara ikon fesyen berhijab antarabangsa yang popular di kalangan wanita Malaysia. Beliau sentiasa tampil sopan dengan gaya tersendiri dan mahir memanipulasikan pakaian agar lebih sopan tetapi 'trendy'. Hebat mempraktikkan stail yang minimalis, bersahaja dan trendy telah menyebabkan pereka kelahiran British ini sentiasa menjadi rujukan golongan wanita bertudung. Menariknya, kreativiti Hana, di dalam seni rekaan fesyen bukan untuk penampilan peribadi semata-mata. Sebaliknya, beliau yang kini menetap di New York, AS, telah mempraktikkan hasil eksperimentasi buat para wanita menerusi kerjasama dengan jenama peruncitan pakaian global Jepun iaitu UNIQLO.



Gambar Hiasan - Hana Tajima x UNIQLO



Gambar Hiasan - Mariah Idriss (Model Antarabangsa) untuk 'Emirates Fashion Magazine'

Empat tahun lalu, Mariah Idriss adalah merupakan wanita Muslim bertudung yang pertama menghiiasi kempen iklan fesyen antarabangsa. Biarpun pernah dikritik pada Minggu Fesyen London kerana disifatkan tidak memiliki kepelbagaian, Mariah Idriss, tidak pernah berputus asa. Menurut wanita berdarah Pakistan (sebelah ibu) dan Morocco (sebelah bapa itu), beliau berharap kehadirannya sebagai model beragama Islam dan berhijab dapat memberi inspirasi, sekali gus mengubah persepsi negatif khususnya mereka yang terlibat dalam industri. "Saya berbangga memakai tudung kerana ia adalah tuntutan agama yang wajib dituruti," tegasnya yang pernah dipilih untuk kempen Close The Look jenama H&M tahun 2015. Terkini, beliau juga antara wajah bagi produk kecantikan Rihanna, Fenty Beauty.

Di Malaysia, fesyen modest (muslimah) semakin rancak mendominasi pasaran fesyen tanah air. Kehadiran pelbagai jenama tudung serta pakaian muslimah sudah cukup membuktikan bahawa ia kini sedang menguasai industri fesyen tanah air. Jenama seperti Naelofar Hijab, Duck Scarves, AS Legacy, Ariani, Bawal Exclusive dan pelbagai lagi telah mengaut jutaan ringgit kerana semakin ramai wanita moden memilih untuk berhijab.



Gambar Hiasan - Neelofa Takluki Kota Milan dengan Fesyen Modest (Muslimah)

Neelofa, Yuna, Hanis Zalikha, Elfira Loy, Ziana Zain, Rozita Che Wan dan Erra Fazira adalah sebahagian selebriti yang bijak mengatur gaya mereka biarpun mereka berhijab. Neelofa juga berjaya mengikat kontrak dengan jenama mega antarabangsa seperti Lancome dan Swarovski untuk menjadi wajah wakilan jenama mereka. Beliau juga adalah selebriti Malaysia pertama yang dijemput khusus untuk menghadiri pertunjukan fesyen jenama mega antarabangsa Versace di Milan Fashion week. Satu demi satu undangan dari luar diterima Neelofa menjadikan dia sebagai artis Malaysia paling sibuk pada ketika ini. Beliau juga tidak lagi menoleh ke belakang dalam usahanya membina nama di peringkat antarabangsa.

Jika trend ini masih lagi berterusan, tidak mustahil satu hari nanti fesyen modest bakal menguasai pasaran fesyen dunia. Namun bersediakah kita dalam menerima trend dan stail terbaru untuk masa akan datang, tepuk dada, tanya diri sendiri?

Panduan Penggunaan StreamYard sebagai Medium Pengajaran

Oleh: Juaini Jamaludin

Di kala pandemik pada tahun 2020, ramai golongan pendidik memilih pengajaran di atas talian. Pelbagai kaedah dan alternatif digunakan untuk pengajaran berjalan dengan lancar. Streaming merupakan salah satu cara yang paling mudah sekiranya golongan pendidik perlu mengajar atas talian dengan kapasiti pelajar lebih daripada 200-300 orang. Streamyard merupakan salah satu aplikasi paling mudah berbanding aplikasi lain.

Langkah Penggunaan StreamYard

1. Pendaftaran di laman Streamyard

Tanpa perlu memuat turun aplikasi, anda hanya mendaftar menggunakan e-mail (sama ada e-mail rasmi/individu). Untuk yang pertama kali, pendaftaran sangat mudah, hanya perlu masukkan e-mail, dan kemudian tunggu sehingga beberapa saat sebelum menerima LOGIN CODE. Bagi yang sudah mendaftar anda juga perlu memasukkan LOGIN CODE yang dihantar ke e-mail sewaktu pendaftaran. Mudah kan!



Pendaftaran baru

Log in to your account

Enter the email you signed up with and we'll send you a login code. See to StreamYard? [Create an account](#)


Email

Get Login Code

Yang telah mendaftar


2. Hubungkan dengan Channel pilihan anda!

Untuk yang pertama kali, anda akan diberikan DESTINATION VIDEO LIVE perkongsian tersebut. Anda boleh pilih sama ada mahu ke Facebook, Youtube atau lain-lain. Pastikan anda telah mendaftar di dalam setiap pilihan Destination Video Live anda.





Berikut adalah pilihan Streaming anda. Pilihan di tangan anda!






Jika anda memilih untuk bersiaran menggunakan Facebook Group, ianya tidak lama untuk mendapatkan keizinan dari 3rd party. Anda hanya perlu menghubungkan Facebook Group pilihan anda.

Pilih sahaja Facebook Group anda. Pastikan anda adalah ADMIN group! Itu yang paling penting.





Penggunaan aplikasi Streamyard perlu di masukkan sebagai aplikasi di dalam Facebook Group pilihan anda.

Pergi ke Setting di Facebook Group pilihan anda, kemudian pergi ke Aplikasi, dan cari StreamYard.



Tambah aplikasi di dalam Facebook Group. (Tekan Add)






Telah selesai menghubungkan aplikasi StreamYard di dalam Facebook Group.

3. CREATE BROADCAST.

Langkah seterusnya, mengisi maklumat bersesuaian untuk perkongsian anda.


Boleh juga diset kepada **SCHEDULE** pada masa tertentu. Anda boleh meletakkan thumbnail ataupun gambar preview sebelum penonton dapat menonton pada masa yang ditetapkan. Setkan tarikh dan masa, seterusnya anda boleh saja kongsi kepada murid-murid dengan lebih baik.



Jangan lupa untuk benarkan Akses Mikrofon dan Kamera

4. Kenali Broadcast Studio StreamYard anda.


Tahniah! Anda telah memasuki dunia streaming StreamYard. Tetapi muka anggun anda masih tidak kelihatan di skrin. Jadi langkah pertama klik pada gambar anda, tekan sahaja butang **ADD TO STREAM**. Barulah ianya terpancar di skrin. Jika tidak mahu, anda boleh sahaja klik butang **REMOVE FROM STREAM**.




Klik Butang untuk kelihatan

Untuk bahagian komen akan keluar **LIVE COMMENTS** daripada para penonton yang ikuti streaming kita.

Susun atur sama ada untuk streaming lebih daripada seorang ataupun untuk **SHARE SCREEN**




Kemudahan untuk SHARE SCREEN.



Kemudahan untuk SHARE SCREEN.

5. Jom go Live!

Jika semua telah selesai, mari kita GO LIVE dengan tekan butang di atas. Selepas sahaja anda tekan butang GO LIVE, anda akan mula bersiaran. Tanda dia adalah butang merah LIVE dan berapa minit telah bersiaran. Mudah sangat.




Viewers anda!

Anda sedang bersiaran secara langsung


5. Hentikan broadcast.

Ini langkah paling mudah. Tekan saja butang, kemudian teruskan dengan End the Broadcast. Bila sudah selesai, anda harus memberi maklumbalas terhadap kualiti StreamYard.



6. Live anda terakam.

Yang bagusnya, Live anda tadi sudah tersimpan di dalam FACEBOOK GROUP anda.



"Inspirasi Pandemi Covid-19" - Atasi Tekanan Dengan Berkarya

Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

Umum telah mengetahui bahawa tahun 2020 bukanlah sesuatu yang indah seperti tahun-tahun sebelumnya. Dunia dilanda pandemik Covid-19 yang telah meragut ratusan ribu nyawa di seluruh dunia. Keadaan semasa yang cukup membimbangkan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke atas emosi manusia. Penulis juga tidak terkecuali dari mengalami sedikit tekanan emosi apabila mengikuti perkembangan berkaitan Covid-19 di media sosial dan berita di televisyen yang ternyata situasi masih belum reda sepenuhnya. Bagi mengatasi tekanan akibat dari pandemik yang melanda ini, penulis mengambil inisiatif dengan berkarya.





Buah jambu di halaman rumah yang ditanam sendiri oleh penulis

Berilhamkan gugusan buah jambu yang sedang ranum di perkarangan rumah, penulis mencapai sebatang pensil dan kertas untuk memulakan proses lakaran. Dengan cara ini, ternyata dapat mengurangkan sedikit kegusaran penulis terhadap isu-isu semasa kerana minda dan fikiran lebih fokus terhadap lukisan yang sedang dihasilkan.



Proses lakaran dan mewarna

Lukisan yang telah Berjaya disiapkan.



"Inspirasi Pandemi Covid-19" -

Syukur

Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

Pandemik covid 19 yang melanda dunia bermula pada awal tahun 2020 cukup memberi impak kepada seluruh penduduk dunia dari segi mental, emosi, gaya hidup dan sosio ekonomi setempat. Segelintir kelompok masyarakat berada dalam keadaan tertekan kerana kesan pandemik ini telah menjejaskan sumber pendapatan para peniaga khususnya dan ada juga sehingga terpaksa menutup terus perniagaan masing-masing. Begitu juga dengan Mohd Shukor Khamis, seorang remaja yang namanya tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia kerana cukup sinonim dengan haiwan ternakannya iaitu kerbau. Syukur yang juga dikenali sebagai "Mowli Malaysia" pernah bergambar dengan haiwan kerbau ternakannya yang diambil oleh jurugambar Mohd Nazri Sulaiman dan telah memenangi Anugerah Imej Asia 2018 dari Asian Geographic. Bermula dari titik bersejarah itu, nama Syukur terus dikenali dan disayangi rakyat Malaysia.



Foto yang memenangi Anugerah Imej Asia 2018 dari Asian Geographic



Pada 9 Oktober 2020, pemilik page Syukur Khamis - Kampong Boy telah berkongsi lukisan penulis bertajuk "Syukur" di Facebook rasmi beliau.
Link <http://www.facebook.com/556826541169027/post/14745036068025/>

Kategori Orang / Jalanan

Namun panas tidak hingga ke petang apabila hujan turun di tengah hari. Syukur dan ayahnya Encik Khamis dilanda musibah ketika Malaysia masih berdepan dengan ancaman pandemik Covid 19. Pada September 2020, berpuluh ekor kerbau telah mati akibat wabak hawar berdarah yang melanda ladang ternakan milik mereka. Seluruh rakyat Malaysia menzahirkan rasa sedih akibat tragedi ini di media sosial dan semestinya Syukur turut berada dalam keadaan yang cukup tertekan ketika itu. Penulis mengambil pendekatan untuk melukis semula foto Syukur bersama kerbaunya yang memenangi anugerah tersebut sebagai tanda sokongan dan rasa amat berbangga dengan semangat beliau dalam mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Berbekalkan dengan sekeping kertas bersaiz A3 dan sebatang pensil, penulis memulakan lakaran lukisan dan ianya mengambil masa selama dua hari sehingga siap sepenuhnya.



Proses lakaran pensil bertajuk "Syukur"

Adalah menjadi harapan saya agar adik Syukur akan terus tabah dalam mengharungi dugaan ini dan terus bangkit mara ke hadapan mengharungi segala jenis dugaan yang melanda ketika pandemik Covid 19 ini. Sesungguhnya kejayaan tidak datang bergolek tetapi pengalaman ketika jatuh dan bangkitsemulaakanmenjadikanseseorangitulebihberjayadimasa hadapan.

"Inspirasi Pandemi Covid-19" - Tips Berjimat ; Semai, Tanam Dan Tuai Sendiri

Oleh : Mohd Syazrul Hafizi Bin Husin

Umum telah mengetahui bahawa tahun 2020 bukanlah sesuatu yang indah seperti tahun-tahun sebelumnya. Dunia dilanda pandemik Covid-19 yang telah meragut ratusan ribu nyawa di seluruh dunia. Keadaan semasa yang cukup membimbangkan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke atas emosi manusia. Penulis juga tidak terkecuali dari meng Saranan dari kerajaan supaya rakyat duduk di rumah sekiranya tiada keperluan atau urusan penting disambut baik oleh hampir seluruh rakyat bagi membendung penularan Covid 19 di Malaysia. Namun di dalam situasi pandemik ini, kita tidak dapat hindar dari keluar untuk membeli keperluan asas makanan seperti daging, ikan, buah-buahan dan sayur- sayuran di pasar atau di kedai-kedai runcit yang berhampiran. Adakalanya kita terpaksa beratur panjang untuk masuk ke permissualan untuk ke mana SOP yang ditetapkan semata-mata hanya untuk membeli seikat sayur. Penulis merasakan adalah lebih baik masa yang lama ketika beratur ini digunakan untuk menanam dan menjaga sendiri pokok sayuran di perkarangan rumah. Berinspirasi situasi ini, penulis telah membeli benih sayuran seperti sawi dan memulakan projek tanaman di halaman rumah bersama keluarga ketika situasi pandemik sedang melanda. Ternyata aktiviti ini sangat menyihatkan, jimat dan dapat mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan apabila dilakukan bersama-sama.

Langkah pertama: Semai

Semai biji benih sawi sekitar kedalaman 2cm dan siram setiap hari. Biji benih akan mula bercambah pada hari ke 3 dan apabila mencapai umur 14 hari penulis mencabut anak-anak pokok tersebut dengan berhati-hati untuk dialihkan ke tapak tanaman.



Anak pokok sawi berusia 14 hari dan sedia dialihkan ke tapak tanaman

Langkah kedua : Tanam

Jarak tanaman antara satu pokok ke pokok yang lain adalah sekitar sejengkal agar pokok berada dalam kedudukan selesa untuk membesar. Tanaman sawi merupakan sejenis sayuran berdaun dan tidak berbuah. Oleh itu, keperluan nutrisinya lebih menjurus kepada kesihatan pada lembaran daunnya agar tumbuh segar dan sihat. Penulis menggunakan pendekatan secara organik dari sisa-sisa buangan dapur seperti air basuhan beras, air cucian ikan dan udang dan sedikit baja organik yang diproses dari hampas soya sebagai baja asas. Pembajaan dilakukan seminggu sekali setiap minggu.



Tanam sawi dari usia 14 hari dari tarikh penanaman hingga berusia 25 hari

Langkah ketiga : Tuai

